

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI
MOHAMAD [LIPIS]**

DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD [LIPIS] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sama ada terdapat pemantauan (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1993 di bawah Perintah Kawalan Harga bagi mewajibkan semua peruncit untuk mempamerkan tanda harga ini penting di era pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) nanti.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan akan meneruskan penguatkuasaan Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1993 untuk mewajibkan semua peniaga yang menjual barangan secara runcit kepada pengguna supaya **meletakkan tanda harga atau mempamerkan senarai harga pada semua barangan jualan mereka**, semasa pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST). Dengan ini, para pengguna boleh membuat perbandingan harga bagi setiap barangan yang ingin dibeli sebelum melakukan sesuatu perbelanjaan.

Peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan juga akan merangkumi keperluan untuk para peniaga mempamerkan harga barangan dan perkhidmatan termasuk nilai GST yang dikenakan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Selaras dengan pelaksanaan GST, pindaan kepada perundangan ini sedang dilaksanakan untuk memasukkan keperluan penandaan harga bukan sahaja pada barangan, malahan kepada perkhidmatan.